

Pas punca Islam Hadhari kurang sambutan

KUALA LUMPUR 4 Okt. - Bekas Perdana Menteri, Tun Abdullah Ahmad Badawi menyalahkan Pas kerana menyebabkan konsep Islam Hadhari yang diperkenalkan kerajaan kurang mendapat sambutan di negara ini berbanding negara luar.

Beliau yang kesal dengan keadaan tersebut berkata, parti itu telah memburuk-burukkan Islam Hadhari melalui ceramah politik mereka sehingga menyebabkan kekeliruan dalam kalangan rakyat.

"Apabila kerajaan mempromosikan Islam Hadhari, Pas tidak setuju, kata mereka Islam ada satu sahaja dan bukan ada Islam yang lain, mereka telah berceramah di merata-rata tempat kerana tidak bersetuju dengan konsep tersebut sebelum ini.


"Bagaimanapun kerajaan menersuskan juga konsep tersebut dan memasukkannya dalam Ranca-

ngan Malaysia Kesembilan (RMK-9) sebagai panduan asas untuk pembangunan, ia tidak menjadi satu masalah.

"Namun ia telah dipolitikkan dan menyebabkan ada juga segeintir ahli UMNO yang terikut-ikut dengan rentak Pas itu," katanya kepada pemberita selepas menyampaikan ucapan pada Forum Keselamatan dan Keselamatan; Perspektif Islam di Institut Diplomasi dan Hubungan Luar Negeri (IDFR) di sini, hari ini.

Hadir sama, Ketua Pengarah IDFR, Datuk Ku Jaafar Ku Shaari dan Ketua Eksekutif Institut Pengajian Lanjutan Islam (IAIS), Dr. Mohammad Hashim Kamali.

Jelas Abdullah, berbanding negara luar, konsep Islam Hadhari



**ABDULLAH AHMAD
BADAWI**

diterima baik dan dilihat sebagai satu platform untuk prinsip yang sama kepada orang Islam serta bukan Islam dan ia adalah konsep yang juga dapat digunakan di peringkat antarabangsa.

"Sehinggakan, terdapat juga negara lain yang mencadangkan ia digunakan di negara

mereka dan ada yang telah memulakan penghargaan Kerusi Islam Hadhari di sana.

"Pendekatan tersebut diterima kerana 10 prinsip yang terdapat pada konsep tersebut merangkumi orang Islam dan bukan Islam yang cukup komprehensif dengan bidang pendidikan, pertahanan dan sebagainya," tambahnya.

Ketika ditanya pendirian Pas untuk tetap melaksanakan hukum

hudud meskipun ditentang rakan sekutunya dalam pakatan rakyat, Abdullah berkata: "Jika mereka tetap mahu melaksanakannya, teruskanlah. Tetapi UMNO tidak mahu."

Terdahulu ketika menyampaikan ucapannya, beliau menggesa Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) mengiktiraf Palestin sebagai sebuah negara merdeka selain menerimanya menjadi negara anggota ke-194 badan dunia itu.

Kata beliau, sudah bertahun lamanya perkara itu disebut-sebut namun sehingga kini masih tidak menjadi kenyataan.

"Kenapa tidak beri mereka peluang? Sudah bertahun lamanya proses perbincangan namun masih tiada yang berjaya. Sekarang mereka kata hendak berbincang tetapi dalam masa yang sama Israel semakin giat membina lebih banyak penempatan di Palestin," ujarnya.

